



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

FACULTY OF SOCIAL SCIENCES AND
HUMANITIES

UHMS 1182 (PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN)

SEMESTER 1, 2020/2021

TUGASAN BERKUMPULAN

AHLI KUMPULAN:

NAMA	NO. MATRIK
1. LOW JUNYI	A20EC0071
2. HONG PEI GEOK	A20EC0044
3. MUHAMMAD IMRAN HAKIMI BIN MOHD SHUKRI	A20EC0213
4. NURFARRAHIN BINTI CHE ALIAS	A20EC0121
5. RISHMA FATHIMA BINTI BASHER	A20EC0137

DISERAHKAN KEPADA:

DR. FAIZAH MOHD FAKHRUDDIN

SKEMA PERMARKAHAN (DIISI OLEH PENSYARAH)

KRITERIA	MARKAH
Pengenalan	/5
ISI KANDUNGAN	/15
KESIMPULAN	/5
RUJUKAN	/5
JUMLAH	/30

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN	HALAMAN
1.0 PENGENALAN	1-2
2.0 OBJEKTIF KAJIAN	3
3.0 PERSOALAN KAJIAN	3
4.0 KEPENTINGAN KAJIAN	4-5
5.0 KAJIAN LEPAS	6-8
6.0 METODOLOGI KAJIAN	9-11
7.0 DAPATAN KAJIAN & PERBINCANGAN	12-85
8.0 KESIMPULAN	86
9.0 RUJUKAN	87-90
LAMPIRAN	91-92

1.0 PENGENALAN

Tajuk kajian ialah rasuah dan pembangunan ekonomi negara. Menurut Kamus Pelajar Edisi Keempat (2005), pembangunan bermaksud usaha untuk mencapai kemajuan dan perkembangan dalam pelbagai bidang negara seperti ekonomi, politik dan sosial manakala perkataan rasuah pula bermaksud sesuatu kegiatan atau pembuatan menawarkan sesuatu sama ada wang atau hadiah yang bernilai kepada seseorang yang mempunyai kuasa yang besar untuk memberi keuntungan kepada pemberi rasuah dengan mengabaikan peraturan atau undang-undang (Azizah et.al, 2005).

Pada masa kini, banyak negara sedang mengalami masalah rasuah yang berleluasa dan perkara ini telah menjejaskan pembangunan ekonomi negara. Hal ini bertambah buruk apabila masyarakat kurang mempunyai kesedaran tentang tanggungjawab mereka dalam mengatasi masalah rasuah. Maka, kepentingan menjalankan kajian rasuah dan pembangunan ekonomi negara dapat membantu pengkaji lebih memahami punca, kesan, kepentingan dan cara yang diperlukan dalam membendung isu rasuah untuk meningkatkan pembangunan ekonomi negara dan melahirkan warganegara yang berintegriti supaya negara dapat menjadi maju dan bebas daripada rasuah.

Sebagai contoh, masyarakat sering mendengar berita berkaitan dengan peningkatan kadar kemiskinan yang disebabkan oleh rasuah. Banyak negara mempunyai kadar rasuah yang tinggi seperti India, Vietnam dan Pakistan yang masih berada dalam keadaan miskin dan ekonomi negara tersebut tidak dapat dibangunkan ke peringkat maju. Dalam Malaysia juga, laporan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah menyatakan bahawa banyak industri seperti industri

pembinaan, kewangan dan peruncitan terdedah kepada risiko rasuah yang tinggi. Ini telah mengakibatkan isu kehilangan kepercayaan daripada pelabur asing dan secara langsung akan menjejaskan pembangunan ekonomi negara.

Dengan membincangkan tajuk rasuah dan pembangunan ekonomi negara, pengkaji juga dapat mengaitkan dengan isu semasa tentang punca, kesan dan langkah untuk membendung isu rasuah. Dalam subtopik-subtopik berikut, kajian ini akan mengumpul pendapat masyarakat untuk lebih memahami pandangan mereka tentang faktor yang mendorong berlakunya rasuah dan juga kesan isu rasuah terhadap pembangunan negara dari aspek ekonomi. Selain itu, kajian ini juga akan mengkaji tindakan yang patut dilaksanakan oleh pelbagai pihak termasuklah kerajaan dan masyarakat untuk membendung isu rasuah.

2.0 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah:

- Mendapatkan maklumbalas dan pandangan masyarakat punca rasuah.
- Membincangkan kesan rasuah terhadap pembangunan ekonomi negara.
- Mengetahui langkah menangani isu rasuah untuk membangunkan ekonomi negara.

3.0 PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk menjawab persoalan berikut:

- Apakah maklumbalas dan pandangan masyarakat punca rasuah?
- Apakah kesan jika mengamalkan rasuah terhadap pembangunan ekonomi negara?
- Apakah langkah menangani masalah rasuah untuk membangunkan ekonomi negara?

4.0 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan bagi masyarakat lebih memahami tanggungjawab dan peranan mereka dalam membendung isu rasuah yang wujud sejak dahulu dan semakin berleluasa untuk meningkatkan pembangunan ekonomi negara. Hal ini demikian kerana terdapat segelintir individu tidak mengetahui peranan yang patut dimainkan oleh mereka dalam mengatasi masalah rasuah untuk membangunkan ekonomi negara. Dengan ini, kajian ini haruslah dijalankan supaya melahirkan organisasi yang berintegriti dan bebas rasuah.

Tambahan lagi, pembangunan ekonomi kebanyakan negara termasuk Malaysia telah terjejas disebabkan isu rasuah. Banyak faktor yang mendorong berlakunya isu rasuah dalam sesebuah negara. Perkara yang jelas ialah kebanyakan negara maju merupakan negara yang mempunyai kadar rasuah yang rendah seperti negara Jepun, Australia dan Denmark. Maka, dalam situasi ini tanggungjawab rakyat amat penting untuk menggalakkan pembangunan ekonomi negara supaya Malaysia tidak terlalu jauh berbanding dengan negara maju yang lain dari aspek ekonomi.

Seterusnya, pengkaji dapat meluaskan ilmu pengetahuan tentang isu rasuah dan pembangunan ekonomi negara melalui kajian ini. Hal ini demikian kerana, pengkaji akan mencari pelbagai maklumat melalui cara yang berbeza seperti melalui borang soal selidik, buku dan Internet. Selain itu, pengkaji juga mengadakan perbincangan antara ahli kumpulan untuk pertukaran pandangan. Maka, pengkaji dapat lebih peka terhadap isu semasa tentang isu rasuah dalam dan luar negara.

Akhir sekali, masyarakat dapat lebih memahami kepentingan mereka terhadap negara melalui kajian ini dan juga dapat mempelajari tindakan yang harus dilaksanakan apabila terdedah kepada masalah sosial bukan sahaja tentang isu rasuah tetapi kes lain seperti kes jenayah yang berlaku secara berleluasa dalam masyarakat. Kajian ini dapat membantu mereka semasa membuat sesuatu keputusan.

5.0 KAJIAN LEPAS

Dengan menggunakan kaedah kajian lepas, kita dapat mengkaji dengan lebih mendalam mengenai rasuah dan pembangunan ekonomi negara berdasarkan kajian-kajian lepas yang telah dilaksanakan oleh para pengkaji. Kajian ini telah dilaksanakan oleh Wei (2013) yang berbincang tentang kadar rasuah di Singapura, Malaysia, India, China, Indonesia, Pakistan dan Bangladesh. Selain itu, beliau juga mengaitkan rasuah dan pembangunan ekonomi negara. Beliau juga membuat konklusi bahawa negara yang kurang terdedah dengan rasuah mempunyai kadar pembangunan ekonomi negara yang tinggi. Pada pandangan saya, sebagai rakyat Malaysia, kita juga haruslah mengurangkan kadar rasuah di negara kita agar Malaysia boleh mencapai pembangunan ekonomi yang tinggi terutama pada musim pandemik ini yang telah mengancam ekonomi negara kita dengan teruk sekali. Rajah berikut ialah indeks yang didapati oleh Wei.

Table 1: Corruption Ratings for Selected Countries

	BI	TI97	GCR97
<u>Asian countries</u>			
Singapore	1	2.34	1.77
Hong Kong	3	3.72	2.17
Japan	2.25	4.43	2.96
Taiwan	4.25	5.98	4.60
Malaysia	5	5.99	5.67
S. Korea	5.25	6.71	6.20
Thailand	9.5	7.94	7.93
Philippines	6.5	7.95	7.94
China	n.a.	8.12	5.86
India	5.75	8.25	7.30
Indonesia	9.5	8.28	7.94
Pakistan	7	8.47	n.a.
Bangladesh	7	9.20	n.a.
<u>Non-Asian countries</u>			
Canada	1	1.90	2.37
United Kingdom	1.75	2.72	1.93
Germany	1.5	2.77	2.61
United States	1	3.39	2.41
France	1	4.34	3.51
Mexico	7.75	8.34	6.24
Kenya	6.5	8.70	n.a.
Colombia	6.5	8.77	7.41
Russia	n.a.	8.73	7.61
Nigeria	8	9.24	n.a.

Notes: See the text immediately preceding the table for sources on BI, TI and GCR indices. In the original BI, TI and GCR indices, small numbers imply more corruption. All the indices in the table have been rescaled so that large numbers imply more corruption. For BI and TI indices, the values in the table = 11-original scores; and for the GCR index, the values in the table = 8-original scores. The GCR ratings are rescaled from the original 1-7 range to 1-10 range.

Selain itu, Keith dan Gonzalo (2008) yang telah mengkaji liberasi kewangan, birokrasi rasuah dan pembangunan ekonomi. Kajian tersebut berkaitan integrasi kewangan antarabangsa pada pembangunan ekonomi. Aspek ini diberi keutamaan terutama apabila pemimpin yang terlibat dengan gejala rasuah. Sebagai konklusi, penyelewengan daripada pasaran kewangan akan membawa kebaikan atau keburukan kepada sesebuah negara. Realitinya, cuma keburukan yang akan menimpa sesebuah negara kerana kehilangan kepercayaan pelabur. Oleh itu, pemimpin di negara kita haruslah mengambil langkah yang sewajarnya untuk memastikan agar rasuah dihindari dari negara kita agar dapat mencapai tahap pembangunan ekonomi yang tinggi dan menjadi negara yang maju.

Seterusnya, kajian yang telah dilaksanakan oleh Gunu dan Ajoke (2013) berkenaan tentang rasuah dan juga perkembangan ekonomi di negara Nigeria. Kajian tersebut menyatakan kadar kemiskinan sesebuah negara meningkat apabila kadar rasuah berleluasa di negara. Beliau juga telah menyatakan bahawa setiap tahun kadar rasuah meningkat di negara Nigeria sejak tahun 1997 hingga 2012 yang menyumbang kepada kemerosotan ekonomi negara. Jelaslah bahawa, tahap rasuah merupakan salah satu punca kemiskinan di Malaysia, maka dengan menghapuskan rasuah di negara kita, rakyat dapat hidup dengan lebih harmoni dengan taraf hidup yang tinggi. Pada masa yang sama, negara akan mencapai tahap ekonomi yang tinggi.

Bukan itu sahaja, kajian yang telah dijalankan oleh Niloy, Emranul dan Keith (2010) yang telah mengkaji tentang rasuah birokrasi dan pembangunan ekonomi. Kajian ini berkait rapat dengan kakitangan kerajaan yang terlibat dengan rasuah dan membincangkan impak jika kakitangan kerajaan terlibat dengan rasuah. Sebagai konklusi, kajian tersebut menyatakan bahawa rasuah di sektor awam berleluasa di seluruh dunia yang melibatkan rasuah dari tahap yang paling rendah hingga ke tahap yang tinggi telah menyumbang kepada kos yang rendah hingga ke tinggi.

Oleh hal yang demikian, rasuah yang melibatkan kakitangan kerajaan memberi impak yang tinggi kepada pembangunan ekonomi. Beliau juga percaya ekonomi negara boleh meningkat jikalau kadar rasuah di negara dalam kalangan kakitangan awam berkurang. Justifikasinya, kajian ini masih mendapat informasi bahawa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia menangkap kakitangan kerajaan yang dirasuahi dengan kerap. Maka, rasuah dalam kalangan kakitangan kerajaan masih pada tahap tinggi di Malaysia.

Akhirnya, kajian yang telah dilaksanakan oleh Nik Rosnah Wan Abdullah (2010) tentang penghapusan rasuah di Malaysia. Kajian ini menjelaskan tentang langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan Malaysia bagi menghapuskan kes-kes rasuah di Malaysia. Kajian ini juga telah menunjukkan kadar penurunan rasuah di Malaysia. Kadar rasuah di Malaysia agak tinggi sebelum kerajaan Malaysia mengambil langkah untuk mengurangkan rasuah di Malaysia. Melalui kajian ini, didapati bahawa sesebuah negara boleh menghapuskan kes rasuah jika kerajaan mengambil langkah yang sewajarnya untuk menghapuskan kes rasuah. Tuntasnya, rasuah tidak menyumbang kepada pembangunan ekonomi dan jika kadar rasuah berkurangan di sesebuah negara maka negara tersebut boleh mencapai pembangunan ekonomi yang tinggi.


6.0 METODOLOGI KAJIAN

Dalam metodologi ini, pendekatan kajian ini adalah untuk meningkatkan kesedaran tentang rasuah serta kesan daripada rasuah dalam pembangunan ekonomi negara Malaysia. Kajian ini juga ingin mendapat informasi yang tepat daripada persampelan kajian tentang rasuah dan kesan akibat daripada rasuah. Kajian ini juga ingin mengetahui langkah persampelan kajian dalam mencegah berlakunya rasuah. Melalui borang soal selidik kajian ini, pendapat masyarakat dapat diperoleh daripada persampelan tentang punca berlakunya kes rasuah yang sering berlaku.

Dalam kalangan persampelan kajian kebanyakan ialah pelajar mahasiswa dan ahli keluarga penyelidik. Para penyelidik telah menyedarkan borang soal selidik melalui media sosial seperti 'Whatsapp', 'Facebook', 'Telegram' dan 'Instagram'. Dalam borang soal selidik kajian, penyelidik akan menyoal tentang kesedaran rasuah persampelan dalam kehidupan mereka dan kesan yang akan berlaku sekiranya kes rasuah tidak kurang tetapi berleluasa. Penyelidik juga akan menyoal pendapat mereka tentang langkah penyelesaian mereka sekiranya mereka berdepan dengan kes rasuah serta tindakan pihak berkuasa yang perlu diambil untuk mencegah dan menangani rasuah dalam negara Malaysia yang akan mengancam pembangunan negara Malaysia. Kajian ini menggunakan borang soal selidik Google untuk mendapat pandangan persampelan. Penyelidik menggunakan kaedah persampelan untuk menjimatkan kos dengan masa sambil mendapat keputusan yang tepat daripada responden penyelidik. Kajian ini juga mengutamakan analisis kuantitatif dengan mencari banyak responden untuk mendapat data yang lebih tepat. Penyelidik juga telah membina carta dan carta pai untuk mengemukakan keputusan kajian dengan

lebih teliti yang diperoleh daripada borang soal selidik kajian. Carta di bawah merupakan salah satu contoh carta yang penyelidik dapat daripada persampelan.

Pada pendapat anda, apakah bidang ekonomi yang mempunyai risiko yang tinggi terdedah kepada isu rasuah?



Selepas membina carta serta carta pai, para penyelidik menjalankan kaedah kajian lepas untuk membuat konklusi dan keputusan yang diperoleh daripada persampelan kajian.

Dalam proses penyediaan borang soal selidik, para penyelidik telah menjalankan lebih kurang dua mesyuarat untuk menyediakan soalan soal selidik untuk dijawab oleh persampelan kajian. Soalan yang terdapat dalam borang soal selidik menyoal persampelan dengan teliti tentang kesan serta tindakan yang diambil oleh persampelan untuk mengatasi kes rasuah yang memberi impak kepada pembangunan ekonomi negara Malaysia. Para penyelidik juga mendapat pandangan dan nasihat daripada pensyarah untuk menyediakan soalan soal selidik yang teliti bagi mendapat keputusan kajian yang tepat.

Penyelidik tidak dapat menjalankan sebarang temu bual dengan responden kerana sekarang merupakan musim pandemik Covid-19 yang akan membahayakan responden penyelidik dengan penyelidik diri sendiri. Oleh itu, penyelidik telah menyediakan borang soal selidik dalam bentuk Google untuk mendapatkan pendapat daripada responden.

Pada 12 November 2020, para penyelidik telah mengedarkan borang soal selidik kepada responden penyelidik melalui media sosial dan mengutip semula borang soal selidik pada 13 November 2020 dan menganalisis keputusan daripada 90 responden.

Kajian ini telah menggunakan carta pai dan carta histogram yang sesuai untuk menganalisis data yang telah diperoleh. Untuk menjawab borang soal selidik kajian ini, responden perlu mengisi Email mereka untuk menjawab soal selidik bagi menjamin kesahan dan meningkatkan kepercayaan kajian.

7.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

7.1 Pendahuluan

Bab ini akan menghuraikan analisis dan tafsiran data serta membincangkan kajian berdasarkan dapatan yang diperoleh melalui soal selidik. Seramai 90 orang responden telah memberikan pendapat mereka dalam kajian ini.

7.2 Soal Selidik Latar Belakang Demografi Responden


Antara aspek yang meliputi dapatan latar belakang demografi responden ialah;

- a. Jantina
- b. Umur
- c. Pekerjaan
- d. Kaum

7.2.1 Responden Mengikut Jantina

Jantina	Bilangan Responden
Lelaki	37
Perempuan	53

Jadual 7.2.1: Bilangan Responden Mengikut Jantina




Graf 7.2.1: Taburan Responden Mengikut Jantina

Berdasarkan Jadual dan Graf 7.2.1 atas, seramai 37 daripada jumlah keseluruhan 90 responden ini terdiri daripada lelaki iaitu sebanyak (41.1%) manakala seramai 53 responden terdiri daripada perempuan iaitu sebanyak (58.9%) daripada jumlah keseluruhan responden iaitu sebanyak (100.0%).

7.2.2 Responden Mengikut Umur

Umur	Bilangan Responden
Bawah 21 tahun	86
21 hingga 30 tahun	4
31 hingga 40 tahun	0
41 hingga 50 tahun	0
51 hingga 60 tahun	0

Jadual 7.2.2: Bilangan Responden Mengikut Umur



Carta Pai 7.2.2: Taburan Responden Mengikut Umur

Jadual dan Carta Pai 7.2.2 masing-masing menunjukkan kategori umur responden kajian iaitu majoriti responden adalah berumur kurang daripada 21 tahun iaitu sebanyak (95.6%) bersamaan seramai 86 orang responden dan hanya (4.4%) atau 4 orang responden sahaja yang berumur 21 hingga 30 tahun daripada jumlah keseluruhan responden seramai 90 orang iaitu sebanyak (100.0%). Dapatan juga menunjukkan tiada responden berumur 31 hingga 60 tahun.

7.2.3 Responden Mengikut Pekerjaan

Pekerjaan	Bilangan Responden
Pelajar	87
Bekerja sendiri	2
Tidak bekerja	1
Kakitangan Kerajaan	0
Pekerja swasta	0

Jadual 7.2.3: Bilangan Responden Mengikut Pekerjaan




Carta Pai 7.2.3: Taburan Responden Mengikut Pekerjaan

Jadual 7.2.3 dan Carta Pai 7.2.3 atas pula menterjemahkan bahawa pelajar merupakan majoriti daripada 90 responden iaitu seramai 87 orang bersamaan (96.7%). Hanya 2 orang responden yang bekerja sendiri manakala seorang sahaja responden yang tidak bekerja serta masing-masing mempunyai peratusan sebanyak (2.2%) dan (1.1%) menjadikan jumlah responden (100.0%) keseluruhannya.

7.2.4 Responden Mengikut Kaum

Kaum	Bilangan Responden
Melayu	61
Cina	19
India	10

Jadual 7.2.4: Bilangan Responden Mengikut Kaum



Carta Pai 7.2.4: Taburan Responden Mengikut Kaum

Berdasarkan Jadual 7.2.4 dan Carta Pai 7.2.4, responden kajian terdiri daripada kaum Melayu selaku majoriti iaitu seramai 61 orang (67.8%) manakala kaum Cina adalah seramai 19 orang iaitu sebanyak (21.1%). Kaum India pula merupakan minoriti daripada jumlah keseluruhan iaitu seramai 10 orang dan menguasai sebanyak (11.1%). Ini menjadikan jumlah responden berdasarkan ketiga-tiga kaum ini seramai 90 orang iaitu sebanyak (100.0%).

7.3 Soal Selidik Persepi Masyarakat Berkenaan Punca Isu Rasuah.


7.3.1 Pendapat masyarakat mengenai tahap kepentingan etika masyarakat dalam membendung isu rasuah.

Mengikut skala:

- 1- Sangat tidak setuju
- 2- Tidak setuju
- 3- Neutral
- 4- Setuju
- 5- Sangat setuju

Skala	Bilangan Responden
1	2
2	0
3	5
4	17
5	66

Jadual 7.3.1: Pendapat masyarakat mengenai tahap kepentingan etika masyarakat dalam membendung isu rasuah mengikut skala 1 hingga 5.



Carta Pai 7.3.1: Taburan pendapat masyarakat mengenai tahap kepentingan etika masyarakat dalam membendung isu rasuah mengikut skala 1 hingga 5.

Berdasarkan Jadual 7.3.1 dan Carta Pai 7.3.1 di atas, majoriti responden iaitu seramai 66 orang (73.3%) sangat setuju manakala 17 orang (18.9%) setuju bahawa etika masyarakat penting dalam membendung isu rasuah.

Dapatan daripada soal selidik ini bersifat positif kerana nilai integriti merupakan nilai etika masyarakat sangat berkait rapat dengan isu rasuah. Menurut Widang & Fridlund (2003), integriti merupakan konsep penting dalam pentaakulan etika kerana integriti berkait rapat dengan pembentukan dan pengukuhan etika yang baik (Mahathir, 2004) serta melaksanakan perkara yang betul (Musatafar 2004). Manakala Gross (2001) menyifatkan integriti sebagai kemampuan individu menjaga dan memelihara moral dirinya sendiri. Dengan adanya nilai integriti dalam diri seseorang individu, beliau dapat mengekalkan tahap kejujuran dan tidak melibatkan diri dalam salah laku yang tidak bermoral, meskipun tiada pihak yang akan mengetahui tindakannya itu. Pengabaian prinsip etika dan integriti ini boleh membuka peluang untuk berlakunya rasuah, penyelewengan, salah laku dan salah guna kuasa dalam sesebuah organisasi, mengikut Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (2013). Jelas menunjukkan bahawa, perbuatan rasuah dan salah guna kuasa dalam organisasi merupakan kesan daripada sikap masyarakat itu sendiri yang tidak beretika dan faktor ini perlu dititikberatkan apabila aktiviti pencegahan isu rasuah ingin dilakukan. Selain dari nilai integriti, sikap ambil peduli dalam masyarakat juga amat penting. Apabila sesebuah masyarakat atau komuniti itu lebih peka terhadap keadaan sekeliling, nescaya isu rasuah tidak dipandang enteng, iaitu sebagai perkara normal atau biasa.

7.3.2 Pendapat masyarakat tentang punca kurangnya kesedaran terhadap isu rasuah


Mengikut skala:

- 1- Sangat tidak setuju
- 2- Tidak setuju
- 3- Neutral
- 4- Setuju
- 5- Sangat setuju

7.3.2.1 Kurang ilmu pengetahuan tentang isu rasuah

Skala	Bilangan Responden
1	4
2	4
3	19
4	40
5	23

Jadual 7.3.2.1: Pendapat masyarakat tentang punca kurangnya kesedaran terhadap isu rasuah mengikut skala 1 hingga 5 berdasarkan faktor 'kurang ilmu pengetahuan tentang isu rasuah'.



Carta Pai 7.3.2.1: Taburan Pendapat masyarakat tentang punca kurangnya kesedaran terhadap isu rasuah mengikut skala 1 hingga 5 berdasarkan faktor 'kurang ilmu pengetahuan tentang isu rasuah'.

Berdasarkan Jadual 7.3.2.1 dan Carta Pai 7.3.2.1 di atas, majoriti responden iaitu seramai 40 orang (44%) setuju manakala 23 orang (26%) sangat setuju bahawa antara punca kurangnya kesedaran terhadap isu rasuah adalah kerana masyarakat kurang ilmu pengetahuan tentang isu rasuah.


Hal ini juga berpunca dari sikap malas masyarakat untuk membaca dan terlalu mengambil mudah terhadap sesuatu masalah. Gejala rasuah yang semakin berleluasa sering mendapat perhatian media akhbar namun kerana masyarakat kini, terutama generasi muda tidak mempunyai inisiatif untuk membacanya. Menurut Datuk Mustafar Ali (2015), iaitu Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, penguatkuasaan, pencegahan dan pendidikan merupakan tiga asas dalam menangani rasuah. Tambah beliau, generasi kini harus meningkatkan kesedaran dan ilmu pengetahuan berikutan gejala rasuah yang berleluasa pada hari ini.

Pendedahan awal mengenai gejala rasuah amat penting. Ianya boleh diberikan kepada generasi muda melalui sukatan pelajaran di sekolah seperti mata pelajaran Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan, Pendidikan Moral dan Pendidikan Islam. Melalui pendedahan awal, Malaysia juga dapat melahirkan pelajar dan generasi muda yang benci akan gejala rasuah.

7.3.2.2 Menganggap rasuah sebagai perkara biasa

Skala	Bilangan Responden
1	0
2	2
3	7
4	29
5	52

Jadual 7.3.2.2: Pendapat masyarakat tentang punca kurangnya kesedaran terhadap isu rasuah mengikut skala 1 hingga 5 berdasarkan faktor 'menganggap rasuah sebagai perkara biasa'.



Carta Pai 7.3.2.2: Taburan Pendapat masyarakat tentang punca kurangnya kesedaran terhadap isu rasuah mengikut skala 1 hingga 5 berdasarkan faktor 'menganggap rasuah sebagai perkara biasa'.

Berdasarkan Jadual 7.3.2.2 dan Carta Pai 7.3.2.2 atas, majoriti responden iaitu seramai 52 orang (58%) sangat setuju manakala 29 orang (32%) setuju bahawa masyarakat kini cenderung dalam menganggap rasuah sebagai perkara biasa.


Perkara demikian berkait rapat dengan budaya normalisasi. Normalisasi merupakan perbuatan serta proses dalam menjadikan sesuatu yang asing atau tidak normal, kepada perkara normal yang boleh diterima oleh masyarakat di dalam sesebuah komuniti. Amalan budaya normalisasi ini juga boleh dilaksanakan oleh individu yang mengamalkan rasuah itu sendiri. Kajian ini mendapati bahawa pelaku rasuah sering melihat dirinya sebagai seorang yang tidak melibatkan diri dalam gejala rasuah. Benson (1985) dan Cressey (1953) menyatakan bahawa individu yang disabitkan dengan jenayah kolar putih (*white-collar crime*) cenderung mengakui tingkah laku mereka yang salah namun tetap menolak niat jenayah dan label jenayah di atas diri mereka sendiri. Hal ini jelas menunjukkan bahawa, di dalam jenayah rasuah, terdapat amalan normalisasi yang menyebabkan jenayah rasuah ini dilihat sebagai sesuatu yang normal dan tidak salah. Justeru, jenayah rasuah akan terus berlaku.

Penerimaan masyarakat juga memainkan peranan penting dalam perkembangan jenayah rasuah. Apabila jenayah rasuah diterima di dalam sesebuah komuniti mahupun organisasi, jumlah pemberi dan penerima rasuah akan bertambah kerana ianya dianggap normal.

7.3.2.3 Tidak mementingkan isu sekeliling

Skala	Bilangan Responden
1	0
2	0
3	9
4	35
5	46

Jadual 7.3.2.3: Pendapat masyarakat tentang punca kurangnya kesedaran terhadap isu rasuah mengikut skala 1 hingga 5 berdasarkan faktor 'tidak mementingkan isu sekeliling'.



Carta Pai 7.3.2.3: Taburan Pendapat masyarakat tentang punca kurangnya kesedaran terhadap isu rasuah mengikut skala 1 hingga 5 berdasarkan faktor 'tidak mementingkan isu sekeliling'.


Berdasarkan Jadual 7.3.2.3 dan Carta Pai 7.3.2.3 di atas, majoriti responden iaitu seramai 46 orang (51%) sangat setuju manakala 35 orang (39%) setuju bahawa kesedaran terhadap isu rasuah berkurang kerana masyarakat atau individu tidak mementingkan isu sekeliling.

Seperti yang diulas dalam perkara 7.3.2.1, keengganan masyarakat dalam mengambil peduli isu persekitaran mengurangkan kesedaran serta kepekaan dalam isu rasuah. Namun begitu, pemimpin juga tidak terlepas daripada menjadikan isu sekeliling sebagai salah satu inisiatif melawan gejala rasuah. Apabila seseorang pemimpin sesebuah negara itu mengabaikan isu sekeliling, kepimpinannya menjadi sangat lemah kerana beliau tidak dapat mengambil pengajaran dari isu tersebut lalu menggalakkan rakyatnya untuk menentang isu berkenaan, lebih-lebih lagi isu rasuah. Prof Syed Hussein, mantan Naib Canselor Universiti Malaya menyifatkan bahawa masyarakat yang lemah kepimpinan mudah untuk memupuk budaya rasuah. Hal ini kerana kepimpinan hanya mementingkan diri sendiri sahaja dan tidak endah dengan perkara lain selain kemewahan mereka sendiri. Jadi, bagi meningkatkan kesedaran kepada isu rasuah, masyarakat serta pemimpin perlu peka dengan isu sekeliling kerana perbuatan ini dapat memberi pengajaran dan pedoman kepada semua lapisan masyarakat agar memerangi rasuah melalui implikasi perbuatan tersebut sama ada kesan rasuah terhadap negara, individu serta perintah agama.

7.3.2.4 Kurang inisiatif daripada kerajaan

Skala	Bilangan Responden
1	0
2	3
3	23
4	33
5	31

Jadual 7.3.2.4: Pendapat masyarakat tentang punca kurangnya kesedaran terhadap isu rasuah mengikut skala 1 hingga 5 berdasarkan faktor 'kurang inisiatif daripada kerajaan'.



Carta Pai 7.3.2.4: Taburan Pendapat masyarakat tentang punca kurangnya kesedaran terhadap isu rasuah mengikut skala 1 hingga 5 berdasarkan faktor 'kurang inisiatif daripada kerajaan'.

Berdasarkan Jadual 7.3.2.4 dan Carta Pai 7.3.2.4 di atas, majoriti responden iaitu seramai 31 orang (34%) setuju manakala 33 orang (37%) sangat setuju bahawa antara punca kurang kesedaran terhadap isu rasuah adalah kerana kurang inisiatif daripada kerajaan. Manakala, 23 orang responden (26%) bersifat neutral terhadap faktor ini.

Secara kasarnya, Perdana Menteri Malaysia yang ketujuh telah melaksanakan pelan anti-rasuah pada 8 Jun 2018 lalu bagi menangani isu rasuah di negara ini yang dikenali sebagai Pelan Antirasuah Nasional (NACP). Sebanyak 115 inisiatif yang digariskan melalui pelan ini. Juga, berdasarkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), kelemahan pentadbiran menguasai sebanyak 36.43% sebagai punca berlakunya rasuah di Malaysia menjadikan ianya sebagai punca utama isu rasuah di negara ini. Namun, inisiatif yang dirangka dan dicadangkan oleh pihak kerajaan semestinya perlu dilaksanakan bagi memastikan isu rasuah dapat ditangani. Selain inisiatif yang ingin dilakukan, pihak kerajaan juga seharusnya menunjukkan contoh yang baik kepada rakyat seperti mengamalkan sikap integriti dalam menjalankan pentadbiran negara.

Bukan itu sahaja, penubuhan SPRM menggantikan Badan Pencegah Rasuah (BRP) pada tahun 2008 juga merupakan inisiatif kerajaan dalam menangani isu rasuah di Malaysia. Tambahan lagi, bagi memastikan masyarakat terutamanya rakyat Malaysia lebih peka dan berpengetahuan dalam isu rasuah, laman sesawang rasmi SPRM menyediakan keratan akhbar dan artikel berkaitan isu terkini melibatkan rasuah yang melanda Malaysia.

7.3.3 Punca masih terdapat golongan masyarakat yang melibatkan diri dalam rasuah.


Mengikut skala:

- 1- Sangat tidak setuju
- 2- Tidak setuju
- 3- Neutral
- 4- Setuju
- 5- Sangat setuju

7.3.3.1 Sikap tamak

Skala	Bilangan Responden
1	0
2	2
3	4
4	16
5	68

Jadual 7.3.3.1: Pendapat masyarakat tentang punca masih terdapat golongan yang melibatkan diri dalam rasuah mengikut skala 1 hingga 5 berdasarkan faktor 'sikap tamak'.



Carta Pai 7.3.3.1: Taburan Pendapat masyarakat tentang punca masih terdapat golongan yang melibatkan diri dalam rasuah mengikut skala 1 hingga 5 berdasarkan faktor 'sikap tamak'.


Berdasarkan Jadual 7.3.3.1 dan Carta Pai 7.3.3.1 di atas, majoriti responden iaitu seramai 68 orang (76%) sangat setuju manakala 16 orang (18%) setuju bahawa sikap tamak sebagai punca masih terdapat golongan melibatkan diri dalam rasuah.

Dalam satu ulasan dari Datuk Haji Mustaffar Haji Ali yang merupakan Timbalan Ketua Pesuruhjaya Pencegahan SPRM, beliau menjelaskan bahawa rasuah berlaku berpunca daripada faktor NGO, iaitu ‘Need’ (keinginan), ‘Greed’ (tamak) dan ‘Opportunity’ (peluang). Jelasnya lagi, sikap tamak dan tidak bersyukur merupakan faktor utama jenayah rasuah sering berlaku. Sifat tamak sentiasa menyebabkan seseorang individu itu berasa tidak puas hati dengan apa yang dimilikinya. Penyalahgunaan kuasa [Seksyen 23 ASPRM 2009] juga merupakan satu bentuk rasuah, menurut SPRM. Contohnya, apabila seorang majikan dalam sesebuah organisasi meminta pekerjaanya melakukan perbuatan yang menyalahi undang-undang, dan sebagai balasan beliau akan memberi kenaikan gaji dan cuti kepada pekerjaanya itu, ianya dikira sebagai jenayah rasuah walaupun ia tidak melibatkan kewangan. Jelas dilihat bahawa walaupun mempunyai kedudukan yang tinggi, namun apabila sifat tamak menyelubungi diri, wujudlah perasaan tidak bersyukur dan sentiasa tidak berpuas hati. Dari perspektif Islam, dalam satu hadis daripada Anas bin Malik daripada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassallam, sesungguhnya baginda bersabda: *“Jika anak Adam (manusia) memiliki satu lembah emas, nescaya dia akan mencari lembah yang kedua.”* Ini bertepatan dengan sifat tamak manusia.

7.3.3.2 Memudahkan urusan

Skala	Bilangan Responden
1	0
2	2
3	10
4	26
5	49

Jadual 7.3.3.2: Pendapat masyarakat tentang punca masih terdapat golongan yang melibatkan diri dalam rasuah mengikut skala 1 hingga 5 berdasarkan faktor 'memudahkan urusan'.



Carta Pai 7.3.3.2: Taburan Pendapat masyarakat tentang punca masih terdapat golongan yang melibatkan diri dalam rasuah mengikut skala 1 hingga 5 berdasarkan faktor 'memudahkan urusan'.

Berdasarkan Jadual 7.3.3.2 dan Carta Pai 7.3.3.2 di atas, majoriti responden iaitu seramai orang 49 (55%) sangat setuju manakala 26 orang (29%) setuju bahawa memudahkan urusan merupakan punca masih terdapat golongan melibatkan diri dalam rasuah.

Bagi faktor ini, biasanya pemberi rasuah akan memberi rasuah kepada si penerima bagi memberi laluan untuknya melakukan sesuatu projek, atau bagi mendapatkan lesen dan kebenaran tanpa perlu melalui prosedur yang betul. Pada 12 Jun 2018 yang lalu, melalui artikel Berita Harian, terdapat satu kes di Kangar yang mendapati seorang pegawai agensi kerajaan ditahan oleh SPRM diatas kesalahan menerima pemberian rasuah oleh seorang nelayan bertujuan untuk memudahkan urusannya memperbaharui dua lesen bot vessel. Kes yang berlaku di Kampung Sungai Bahru, Kangar, Perlis ini dipercayai melibatkan transaksi sebanyak RM4,000. Akibat ingin memastikan sesuatu perkara itu diselesaikan dengan cara yang mudah, pengamal jenayah rasuah sanggup memberi rasuah. Bukan sahaja si pemberi rasuah perlu dipersalahkan, malah penerima rasuah, lebih-lebih lagi yang berstatus pegawai agensi kerajaan, perlu dikenakan hukuman yang sama. Hal ini menjadikan sikap integriti terutamanya dalam kalangan masyarakat Malaysia sangat membimbangkan. Kepimpinan dan struktur organisasi yang lemah merupakan punca kemerosotan integriti (Pelan Integriti Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia, 2014-2018). Walau bagaimanapun, terdapat juga sindiket iaitu sindiket lesen terbang, dimana seseorang itu dapat memperolehi lesen kenderaan melalui pakej gerenti lulus dalam kelas dan ujian Jabatan Pengangkutan Jalanraya (JPJ), sebaliknya hanya perlu membayar lebihan jumlah tertentu kepada pegawai JPJ (Sinar Harian, 2019).

7.3.3.3 Terdapat banyak kesempatan

Skala	Bilangan Responden
1	0
2	1
3	3
4	39
5	47

Jadual 7.3.3.3: Pendapat masyarakat tentang punca masih terdapat golongan yang melibatkan diri dalam rasuah mengikut skala 1 hingga 5 berdasarkan faktor 'terdapat banyak kesempatan'.



Carta Pai 7.3.3.3: Taburan Pendapat masyarakat tentang punca masih terdapat golongan yang melibatkan diri dalam rasuah mengikut skala 1 hingga 5 berdasarkan faktor 'terdapat banyak kesempatan'.

Berdasarkan Jadual 7.3.3.3 dan Carta Pai 7.3.3.3 di atas, majoriti responden iaitu seramai 47 orang (52%) sangat setuju manakala 39 orang (44%) setuju bahawa rasuah masih berlaku kerana terdapat banyak kesempatan.

Seperti yang diulas di perkara 7.3.3.1, peluang merupakan antara punca berlakunya amalan rasuah. Peluang dan kesempatan dapat dibahagikan kepada dua situasi. Yang pertama adalah, peluang apabila kedua-dua pihak bersifat terbuka dalam memberi dan menerima rasuah. Selain itu, peluang juga dikaitkan apabila sektor pekerjaan atau profesion seseorang itu terdedah kepada ancaman rasuah. Birokrasi dipercayai sebagai peluang terjadinya isu rasuah dalam sektor awam (Nur Syakiran Akmal & Md Zawawi, 2004). Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka, birokrasi merupakan satu sistem pemerintahan oleh pegawai bukan pilihan rakyat dan pemerintahan ini dikuasai oleh pegawai kerajaan serta terdapat banyak peringkat dan peraturan dalam pentadbiran ini. Kebiasaannya, isu rasuah yang berlaku dalam sistem pentadbiran birokrasi ini adalah apabila terdapat pihak yang berkehendak ingin kehendaknya dipenuhi dengan segera. Namun disebabkan sistem ini memerlukan banyak prosedur dan peringkat, peluang dan kesempatan rasuah menjadi lebih tinggi. Apabila dua pihak terbuka dalam melakukan rasuah, proses pemberian dan penerimaan rasuah menjadi lebih mudah. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa semakin tinggi peluang dan kesempatan, semakin tinggi kadar jenayah rasuah. Namun, sebagai masyarakat yang benci akan rasuah, kita perlu segera menutup peluang ini agar masyarakat terutamanya di Malaysia menjadi masyarakat yang bebas rasuah.

7.3.3.4 Amalan Tradisional

Skala	Bilangan Responden
1	9
2	11
3	38
4	19
5	13

Jadual 7.3.3.4: Pendapat masyarakat tentang punca masih terdapat golongan yang melibatkan diri dalam rasuah mengikut skala 1 hingga 5 berdasarkan faktor 'amalan tradisional'.



Carta Pai 7.3.3.4: Taburan Pendapat masyarakat tentang punca masih terdapat golongan yang melibatkan diri dalam rasuah mengikut skala 1 hingga 5 berdasarkan faktor 'amalan tradisional'.

Berdasarkan Jadual 7.3.3.4 dan Carta Pai 7.3.3.4 di atas, majoriti responden iaitu seramai 38 orang (42%) bersifat neutral manakala 19 orang (21%) setuju amalan tradisional sebagai punca masih terdapat golongan yang mengamalkan rasuah.

Faktor ini dilihat mendapat maklum balas yang neutral kerana kebiasaannya aktiviti rasuah melalui amalan tradisi tidak dilihat sebagai isu rasuah. Sebagai contoh, perbuatan melalui tradisi ini dapat dilihat melalui masyarakat yang berbilang kaum di Malaysia. Apabila terdapat hari perayaan, majlis kebesaran dan sebagainya, perasuah mengambil kesempatan dengan menghulurkan pelbagai bentuk hadiah, dan penerima pula menerima sama ada tanpa disedari atau pun secara rela. Namun, secara kebiasaannya, penerima tidak sedar kerana dia menganggap hadiah yang diberikan adalah seikhlas hati, sebaliknya dia sudah terkena umpan si pemberi rasuah. Disebabkan perbuatan ini menjadi norma dalam masyarakat berbilang kaum di Malaysia, tidak ramai yang dapat melihat perbuatan ini sebagai isu rasuah kerana ia adalah tradisi sejak turun temurun tanpa disedari oleh penerima, bahkan masyarakat sekeliling. Demikian itulah faktor ini kurang mendapat sokongan yang kuat kerana tidak semua pihak peka dan cakna dengan situasi ini.

7.4 Soal Selidik Pandangan Masyarakat Terhadap Pembangunan Ekonomi Negara Kesan dari Isu Rasuah

7.4.1 Pendapat masyarakat sama ada isu rasuah memberikan impak yang besar terhadap pembangunan negara atau sebaliknya.


Mengikut skala:

- 1- Sangat tidak setuju
- 2- Tidak setuju
- 3- Neutral
- 4- Setuju
- 5- Sangat setuju

Skala	Bilangan Responden
1	1
2	1
3	3
4	17
5	68

Jadual 7.4.1 menunjukkan pandangan responden terhadap persoalan isu rasuah

mempunyai impak yang besar terhadap pembangunan ekonomi negara



Carta Pai 7.4.1 menunjukkan pandangan responden terhadap persoalan isu rasuah

mempunyai impak yang besar terhadap pembangunan ekonomi negara

Berdasarkan Jadual 7.4.1 dan Carta Pai 7.4.1 di atas, majoriti responden iaitu seramai 68 orang (62%) sangat setuju manakala 17 orang (22%) setuju bahawa isu rasuah mempunyai impak yang besar terhadap pembangunan negara. Manakala, 3 orang responden (15%) bersifat neutral terhadap

hal ini. Berdasarkan keputusan majoriti responden, kebanyakan masyarakat juga sudah sedar akan bahayanya kegiatan rasuah jika tidak dikekang dengan segera kerana kegiatan ini mampu memberikan kesan buruk kepada pembangunan ekonomi negara. Menurut Tun Dr Mahathir, jika mengambil kira kesan rasuah terhadap pentadbiran, negara tidak akan maju dan semua rakyat akan menjadi mangsa amalan rasuah (Mohamad, 2020). Ini menunjukkan bahawa sekiranya tiada tindakan lanjut dilakukan, kegiatan ini akan menjadi sebuah norma baharu yang akan menjejaskan imej dan pendapatan negara kerana berlaku ketidak telusan di mana-mana. Oleh itu, benarlah bahawa kes rasuah mampu memberikan impak yang negatif kepada pembangunan ekonomi negara.

7.4.2 Pandangan masyarakat mengenai bidang ekonomi yang mempunyai risiko yang tinggi terdedah kepada isu rasuah.


Mengikut skala:

- 1- Sangat tidak setuju
- 2- Tidak setuju
- 3- Neutral
- 4- Setuju
- 5- Sangat setuju

7.4.2.1 Bidang Perkhidmatan

Skala	Bilangan Responden
1	0
2	1
3	13
4	20
5	56

Jadual 7.4.2.1 menunjukkan pandangan responden mengenai bidang ekonomi yang mempunyai risiko yang tinggi terdedah kepada isu rasuah dalam bidang perkhidmatan.



Carta Pai 7.4.2.1: Taburan Pendapat masyarakat mengenai bidang ekonomi yang mempunyai risiko yang tinggi terdedah kepada isu rasuah mengikut skala 1 hingga 5 dalam bidang perkhidmatan.


Berdasarkan Jadual 7.4.2.1 dan Carta Pai 7.4.2.1 di atas, majoriti responden iaitu seramai 56 orang (62%) sangat setuju manakala 20 orang (22%) setuju bahawa bidang perkhidmatan merupakan bidang yang berisiko tinggi terdedah kepada isu rasuah. Manakala, 13 orang responden (15%) bersifat neutral terhadap bidang ini.

Secara umum, Datuk Seri Dr Ismail Bakar yang merupakan Ketua Setiausaha Negara telah memberi pendapat bahawa penjawat awam merupakan golongan yang berisiko tinggi terlibat dalam rasuah khususnya yang berkhidmat dalam pelaksanaan keputusan dan perolehan kerajaan. Sebagai contoh, antara bidang perkhidmatan yang berisiko terdedah kepada rasuah ialah bidang kehakiman. Hal ini demikian kerana golongan yang tidak berintegriti akan mudah menerima suapan ataupun secara jelasnya rasuah apabila membuat sesuatu keputusan kerajaan. Contohnya, terdapat kes bekas hakim yang didakwa menerima suapan sebanyak RM17500 daripada seseorang untuk menjatuhkan hukuman yang rendah kepada pesalah salah satu kes yang dihakiminya. Ini merupakan bukti bahawa bidang ini berisiko tinggi terdedah kepada kes rasuah berdasarkan amalan pilih kasih, pilih parti dan apa jua pertimbangan yang bertentangan dengan integriti hanya akan membawa kepada kegagalan sesuatu pentadbiran atau organisasi.

7.4.2.1 Bidang Pelancongan

Skala	Bilangan Responden
1	1
2	4
3	44
4	25
5	16

Jadual 7.4.2.2 menunjukkan pandangan responden mengenai bidang ekonomi yang mempunyai risiko yang tinggi terdedah kepada isu rasuah dalam bidang pelancongan.




Carta Pai 7.4.2.2: Taburan Pendapat masyarakat mengenai bidang ekonomi yang mempunyai risiko yang tinggi terdedah kepada isu rasuah mengikut skala 1 hingga 5 dalam bidang pelancongan.

Berdasarkan Jadual 7.4.2.2 dan Carta Pai 7.4.2.2 di atas, majoriti responden iaitu seramai 44 orang (49%) bersifat neutral manakala 25 orang (28%) setuju bahawa bidang pelancongan merupakan bidang yang berisiko tinggi terdedah kepada isu rasuah. Manakala, 16 orang responden (18%) sangat setuju terhadap bidang ini. Isu rasuah dalam sektor pelancongan bukanlah sesuatu yang asing ataupun baharu di dunia. Rasuah dalam sektor pelancongan sering dilihat berlaku terutamanya berkaitan pembangunan sektor pelancongan seperti pendapatan sektor pelancongan, pelaburan, sosio-budaya dan kesan kepada alam sekitar (Papathanassis, A., Katsios, S., & Dinu, R., 2017). Hal ini berlaku kerana kelemahan undang-undang dan penguatkuasaan kerajaan terhadap gejala rasuah. Sebagai contoh, apabila berlaku kes penyelewengan wang pendapatan daripada sektor kewangan, individu yang tidak berintegriti akan bertindak mendiamkan diri dan tidak melaporkan kes tersebut apabila dihulurkan sejumlah wang ataupun diberikan bonus ataupun diberikan kenaikan pangkat. Ini menunjukkan bahawa sektor pelancongan turut berisiko tinggi terdedah kepada gejala rasuah.

7.4.2.1 Bidang Pembinaan

Skala	Bilangan Responden
1	1
2	0
3	17
4	34
5	38

Jadual 7.4.2.3 menunjukkan pandangan responden mengenai bidang ekonomi yang mempunyai risiko yang tinggi terdedah kepada isu rasuah dalam bidang pembinaan.




Carta Pai 7.4.2.3: Taburan Pendapat masyarakat mengenai bidang ekonomi yang mempunyai risiko yang tinggi terdedah kepada isu rasuah mengikut skala 1 hingga 5 dalam bidang pembinaan.

Berdasarkan Jadual 7.4.2.3 dan Carta Pai 7.4.2.3 di atas, majoriti responden iaitu seramai 38 orang (42%) sangat setuju manakala 34 orang (38%) setuju bahawa bidang pembinaan merupakan bidang yang berisiko tinggi terdedah kepada isu rasuah. Manakala, 17 orang responden (19%) bersifat neutral terhadap terhadap bidang ini. Terdapat beberapa bentuk amalan rasuah yang wujud dalam industri pembinaan iaitu termasuklah sogokan, penipuan, bersubahat, pembelian bidaan, penggelapan wang, peras ugut, pecah amanah penggelapan wang dan mementingkan kaum kerabat (Le et al., 2014b). Menurut Matthews, sukar untuk menentukan secara tepat nilai kerugian akibat rasuah, tetapi dianggarkan sebanyak 10% ke 30% (Matthews,2016). Peratusan ini bukanlah satu angka yang kecil apabila melibatkan kerugian wang dalam sektor pembinaan. Jika tidak dibanteras, peratusan ini akan meningkat dari tahun ke tahun seterusnya menyebabkan negara mengalami kerugian yang besar. Contohnya, menurut berita Astro Awani Online keluaran Mei 2020, beberapa syarikat telah dipanggil oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk membantu siasatan berkenaan dakwaan menerima kontrak bagi menyediakan kelengkapan makmal secara tidak layak yang dianggarkan bernilai RM30 juta. Ini jelas menunjukkan bahawa sektor pembinaan ini berisiko tinggi untuk terdedah kepada gejala rasuah kerana golongan yang tidak berintegriti akan sanggup melakukan kegiatan jenayah seperti ini untuk keuntungan dan kepentingan mereka sendiri.

7.4.2.1 Bidang Pertanian

Skala	Bilangan Responden
1	2
2	16
3	38
4	28
5	16

Jadual 7.4.2.1 menunjukkan pandangan responden mengenai bidang ekonomi yang mempunyai risiko yang tinggi terdedah kepada isu rasuah dalam bidang pertanian.



Carta Pai 7.4.2.4: Taburan Pendapat masyarakat mengenai bidang ekonomi yang mempunyai risiko yang tinggi terdedah kepada isu rasuah mengikut skala 1 hingga 5 dalam bidang pertanian.

Berdasarkan Jadual 7.4.2.4 dan Carta Pai 7.4.2.4 di atas, majoriti responden iaitu seramai 38 orang (42%) bersifat neutral manakala 28 orang (31%) setuju bahawa bidang pembinaan merupakan bidang yang berisiko tinggi terdedah kepada isu rasuah. Manakala, 16 orang responden (18%) sangat setuju bahawa bidang pertanian berisiko tinggi terdedah kepada gejala rasuah. Walaupun bidang pertanian kelihatan tidak berisiko untuk berlakunya gejala rasuah, namun sebenarnya banyak kegiatan rasuah telah dan berpotensi besar berlaku dalam bidang ini. Sebagai contoh, seseorang ahli perniagaan yang tidak berintegriti yang menginginkan sejumlah kawasan yang besar untuk menjalankan kegiatan pertanian secara komersial akan cuba mendapatkan tanah ataupun kawasan yang diinginkan dengan apa cara sekalipun seperti merasuah pemilik tanah atau pegawai yang terlibat dalam urusan jual beli tanah. Selain itu, aktiviti seperti pembekalan bahan dan stok pertanian juga berpotensi mempunyai kes rasuah. Sebagai contoh, berdasarkan artikel Harian Metro Online keluaran 21 Februari lalu, terdapat kes seorang penolong pegawai pertanian dan rakan sekerjanya berhadapan lima dan dua tuduhan membabitkan kerja-kerja pembekalan pertanian dan dihadapkan ke mahkamah. Menurut Anik dan Bauer, bukti menunjukkan bahawa pasaran baja yang terhad menggalakkan rasuah apabila petani yang memberi rasuah boleh mendapatkan baja yang dikehendaki sekaligus meningkatkan taraf proses mereka berbanding golongan yang tidak memberi rasuah di Bangladesh (Anik & Bauer, 2017). Ini menunjukkan bahawa sektor pertanian juga turut terdedah dan berisiko tinggi berlakunya aktiviti rasuah.

7.4.3 Kesan terhadap pembangunan ekonomi negara jika sesebuah negara mempunyai kadar rasuah yang tinggi.


Mengikut skala:

- 1- Sangat tidak setuju
- 2- Tidak setuju
- 3- Neutral
- 4- Setuju
- 5- Sangat setuju

7.4.2.1 Penurunan mata wang negara

Skala	Bilangan Responden
1	0
2	3
3	13
4	29
5	45

Jadual 7.4.3.1 menunjukkan pandangan responden mengenai kesan rasuah terhadap pembangunan ekonomi negara dari segi penurunan mata wang negara.




Carta Pai 7.4.3.1: Taburan pendapat masyarakat mengenai kesan terhadap pembangunan ekonomi negara jika sesebuah negara mempunyai kadar rasuah yang tinggi mengikut skala 1 hingga 5 dalam kes penurunan mata wang negara.

Berdasarkan Jadual 7.4.3.1 dan Carta Pai 7.4.3.1 atas, majoriti responden iaitu seramai 45 orang (45%) sangat setuju manakala 29 orang (38%) setuju bahawa penurunan mata wang negara merupakan impak jika kadar rasuah adalah tinggi dalam sektor ekonomi. Manakala, 13 orang responden (13%) bersifat neutral terhadap impak ini. Mata wang negara akan menurun sekiranya rasuah berleluasa kerana berlakunya pergolakan dalam pelbagai sektor. Contohnya, apabila kegiatan rasuah berleluasa dalam sektor pembinaan, banyak projek akan tergendala dan pembangunan tidak selari dengan kemajuan pembangunan negara luar sekaligus menyebabkan nilai mata wang negara turun akibat hutang yang banyak dan projek yang terbengkalai serta kerugian yang banyak akan berlaku.

7.4.2.1 Kehilangan keyakinan pelabur asing

Skala	Bilangan Responden
1	0
2	2
3	6
4	26
5	56

Jadual 7.4.3.2 menunjukkan pandangan responden mengenai kesan rasuah terhadap pembangunan ekonomi negara dari segi kehilangan keyakinan pelabur asing




Carta Pai 7.4.3.2: Taburan pendapat masyarakat mengenai kesan terhadap pembangunan ekonomi negara jika sesebuah negara mempunyai kadar rasuah yang tinggi mengikut skala 1 hingga 5 dalam kes kehilangan keyakinan pelabur asing.

Berdasarkan Jadual 7.4.2.3 dan Carta Pai 7.4.2.3 di atas, majoriti responden iaitu seramai 56 orang (62%) sangat setuju manakala 26 orang (29%) setuju bahawa kehilangan keyakinan pelabur asing merupakan impak jika kadar rasuah adalah tinggi dalam sektor ekonomi. Manakala, 6 orang responden (7%) bersifat neutral terhadap impak ini. Menurut Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM), komuniti dan negara yang akan menanggung akibat kegiatan rasuah kerana kegiatan ini akan menyebabkan persekitaran yang kurang baik untuk sosial dan pembangunan ekonomi seperti pelaburan yang sepatutnya boleh membuka peluang pekerjaan kepada orang ramai. Hal ini demikian kerana pelabur luar akan berpendapat bahawa melabur di Malaysia adalah terlalu berisiko dan mereka tidak akan mendapat keuntungan atau pulangan modal akibat terlalu banyak kepincangan dalam pelbagai sektor terutamanya berkenaan rasuah. Pelabur akan berasa tidak yakin dan khuatir duit dan modal mereka akan diselewengkan oleh syarikat-syarikat di Malaysia seterusnya mengurangkan kadar kemasukan pelabur luar yang akan menjejaskan pendapat negara dan pendapatan pemilik syarikat itu sendiri.

7.4.2.1 Peningkatan kadar kemiskinan

Skala	Bilangan Responden
1	0
2	1
3	14
4	20
5	55

Jadual 7.4.3.3 menunjukkan pandangan responden mengenai kesan rasuah terhadap pembangunan ekonomi negara dari segi peningkatan kadar kemiskinan.




Carta Pai 7.4.3.1: Taburan pendapat masyarakat mengenai kesan terhadap pembangunan ekonomi negara jika sesebuah negara mempunyai kadar rasuah yang tinggi mengikut skala 1 hingga 5 dalam kes peningkatan kadar kemiskinan.

Berdasarkan Jadual 7.4.3.3 dan Carta Pai 7.4.3.3 di atas, majoriti responden iaitu seramai 55 orang (61%) sangat setuju manakala 20 orang (22%) setuju bahawa peningkatan kadar kemiskinan merupakan impak jika kadar rasuah adalah tinggi dalam sektor ekonomi. Manakala 14 orang responden (16%) bersifat neutral terhadap impak ini. Menurut Johnston, golongan miskin berpotensi terdedah kepada kesan dan gejala rasuah apabila golongan ini ditindas seperti sekatan jalan yang memerlukan petani membayar sejumlah wang untuk melepasi sekatan jalan ke bandar yang akan menyebabkan mereka yang miskin terus menjadi miskin (Johnston, 2009). Beban yang ditanggung oleh golongan kurang berkemampuan akibat rasuah akan bertambah kerana mereka bergantung kepada perkhidmatan awam (Babita, 2020). Sebagai contoh, di India, mereka tidak mampu untuk menggunakan khidmat hospital atau sekolah swasta menyebabkan mereka terpaksa memberi rasuah kepada pegawai bawahan untuk mendapatkan tempat. Jelaslah bahawa peningkatan kadar kemiskinan merupakan impak kepada kegiatan rasuah yang berleluasa.

7.4.2.1 Penurunan daya saing negara

Skala	Bilangan Responden
1	0
2	1
3	11
4	27
5	51

Jadual 7.4.3.1 menunjukkan pandangan responden mengenai kesan rasuah terhadap pembangunan ekonomi negara dari segi penurunan daya saing negara.



Carta Pai 7.4.3.4: Taburan pendapat masyarakat mengenai kesan terhadap pembangunan ekonomi negara jika sesebuah negara mempunyai kadar rasuah yang tinggi mengikut skala 1 hingga 5 dalam kes penurunan daya saing negara.

Berdasarkan Jadual 7.4.2.3 dan Carta Pai 7.4.2.3 di atas, majoriti responden iaitu seramai 51 orang (57%) sangat setuju manakala 27 orang (30%) setuju bahawa penurunan daya saing negara merupakan impak jika kadar rasuah tinggi dalam sektor ekonomi manakala 11 orang responden (12%) bersifat neutral terhadap impak ini. Secara ringkasnya, penularan kes rasuah di negara ini mampu mengurangkan daya saing negara apabila ramai pelabur dan usahawan atau ahli perniagaan bertindak untuk tidak melibatkan diri dalam pasaran negara kerana khuatir akan kerugian yang bakal berlaku akibat ketidakjujuran proses jual beli. Contohnya, sewaktu melakukan bidaan, golongan yang membayar upah tambahan ataupun rasuah berpotensi mendapatkan kontrak dan projek berbanding melihat kepada kemahiran sesebuah syarikat itu. Ini akan menjejaskan daya saing negara kerana lebih ramai individu bertindak untuk tidak mencuba nasib di pasaran negara apabila mengetahui bahawa untuk berjaya mestilah dengan memberi rasuah. Kesannya, pasaran negara akan menurun dan akan berlaku banyak penyelewengan kerana individu yang tidak bertanggungjawab akan terus berleluasa dan bermaharajalela dalam pasaran sementara mereka yang beretika memutuskan untuk mencuba di pasaran yang lebih telus.

7.5 Soal Selidik Langkah Menangani Rasuah untuk Membangunkan Ekonomi Negara

Di dalam soal selidik ini, dapatan mengenai langkah menangani isu rasuah untuk membangunkan ekonomi negara merangkumi:-

- a. Tindakan serta penyelesaian yang akan dilakukan oleh masyarakat sekiranya terdapat isu rasuah di tempat kerja atau sekeliling.
- b. Etika yang penting untuk diamalkan oleh masyarakat dalam membendung isu rasuah.
- c. Pendapat masyarakat mengenai tindakan wajar yang perlu dilakukan oleh pihak berkuasa bagi mengatasi isu rasuah.

7.5.1 Tindakan serta penyelesaian yang akan dilakukan oleh masyarakat sekiranya terdapat isu rasuah di tempat kerja atau sekeliling.


Mengikut skala:

- 1- Sangat tidak setuju
- 2- Tidak setuju
- 3- Neutral
- 4- Setuju
- 5- Sangat setuju

7.5.1.1 Menegur pihak tersebut

Skala	Bilangan Responden
1	1
2	4
3	15
4	42
5	28

Jadual 7.5.1.1 menunjukkan pandangan responden terhadap tindakan serta penyelesaian yang akan dilakukan oleh masyarakat sekiranya terdapat isu rasuah di tempat kerja atau sekeliling dengan menegur pihak tersebut.




Carta pai 7.5.1.1 menunjukkan pandangan responden terhadap tindakan serta penyelesaian yang akan dilakukan oleh masyarakat sekiranya terdapat isu rasuah di tempat kerja atau sekeliling dengan menegur pihak tersebut.

Berdasarkan Jadual 7.5.1.1 dan Carta Pai 7.5.1.1 di atas, majoriti responden iaitu seramai 42 orang (44%) setuju manakala 28 orang (26%) sangat setuju menegur pihak tersebut merupakan tindakan yang baik manakala 15 orang responden (21%) bersifat neutral terhadap tindakan ini. Tindakan menegur pihak yang terlibat dengan rasuah terutamanya kenalan terdekat kita mungkin dapat meninggalkan kesan mendalam kepada mereka kerana kita adalah kontak rapat mereka dan beranggapan bahawa mereka seharusnya meninggalkan kegiatan yang tidak bermoral ini. Tindakan ini juga dapat mengelakkan campur tangan undang-undang yang boleh memburukkan nama baik individu yang terlibat yang ingin berhenti kerana insaf. Namun, tindakan ini mungkin kurang berkesan kerana sesetengah individu tidak termakan kata nasihat dan teguran orang apabila terlalu taksab akan keuntungan dan kelebihan yang diperoleh jika menerima rasuah.

7.5.1.2 Melapor kepada orang yang bertanggungjawab

Skala	Bilangan Responden
1	0
2	0
3	8
4	23
5	59

Jadual 7.5.1.2 menunjukkan pandangan responden terhadap tindakan serta penyelesaian yang akan dilakukan oleh masyarakat sekiranya terdapat isu rasuah di tempat kerja atau sekeliling dengan melaporkan kepada orang yang bertanggungjawab.




Carta pai 7.5.1.2 menunjukkan pandangan responden terhadap tindakan serta penyelesaian yang akan dilakukan oleh masyarakat sekiranya terdapat isu rasuah di tempat kerja atau sekeliling dengan melaporkan kepada orang yang bertanggungjawab.

Berdasarkan Jadual 7.5.1.2 dan Carta Pai 7.5.1.2 di atas, majoriti responden iaitu seramai 59 orang (66%) sangat setuju manakala 23 orang (25%) setuju bahawa tindakan yang sewajarnya dilakukan adalah melaporkan kepada orang yang bertanggungjawab manakala 8 orang responden (9%) bersifat neutral terhadap tindakan ini. Berdasarkan keputusan responden, kebanyakan individu sudah sedia maklum bahawa melaporkan kegiatan rasuah kepada orang yang bertanggungjawab merupakan tindakan yang bijak. Menurut Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Shamshun Baharin Mohd Jamil, SPRM penjawat awam yang melaporkan kegiatan rasuah akan diberikan insentif. Ini merupakan satu cara pihak kerajaan untuk menggalakkan orang ramai yang mengetahui akan kewujudan kegiatan rasuah di dalam sesuatu pekerjaan untuk tampil memberi laporan. Tambahan pula, penjawat awam yang menjadi saksi bagi satu-satu kes rasuah akan dilindungi melalui Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 dan Akta Perlindungan Saksi (Ruzki, 2020). Perlindungan ini menjadi benteng keselamatan diri kepada individu yang melaporkan kegiatan rasuah. Justeru, seseorang itu tidak harus berasa gentar akan kehilangan kerja ataupun sumber pendapatan sekiranya melaporkan perkara ini terutamanya apabila melibatkan golongan atasan kerana kegiatan rasuah ini merupakan satu jenayah yang tidak boleh dipandang sebelah mata.

7.5.1.3 Mengamalkan sikap tidak ambil peduli

Skala	Bilangan Responden
1	35
2	18
3	16
4	7
5	14

Jadual 7.5.1.2 menunjukkan pandangan responden terhadap tindakan serta penyelesaian yang akan dilakukan oleh masyarakat sekiranya terdapat isu rasuah di tempat kerja atau sekeliling dengan tidak mengamalkan sikap tidak ambil peduli.



Carta pai 7.5.1.3 menunjukkan pandangan responden terhadap tindakan serta penyelesaian yang akan dilakukan oleh masyarakat sekiranya terdapat isu rasuah di tempat kerja atau sekeliling dengan mengamalkan sikap tidak ambil peduli.

Berdasarkan Jadual 7.5.1.3 dan Carta Pai 7.5.1.3 di atas, majoriti responden iaitu seramai 35 orang (39%) sangat tidak setuju manakala 18 orang (20%) tidak setuju bahawa tindakan yang sewajarnya dilakukan adalah mengamalkan sikap tidak ambil peduli manakala 16 orang responden (18%) bersifat neutral terhadap tindakan ini. Tindakan ini merupakan satu tindakan yang negatif kerana tindakan ini lebih bersifat egoisme iaitu mementingkan kepentingan diri sendiri. Hal ini demikian kerana golongan ini sanggup bertindak memandang sebelah mata kegiatan jenayah ini untuk menjaga diri dan kerjaya dalam sesebuah syarikat apabila kegiatan rasuah itu dilakukan oleh pihak atasan. Ini akan menyebabkan kadar rasuah tidak akan menurun malah semakin berleluasa kerana segelintir masyarakat yang tidak berani bersuara dan memilih untuk menutup mulut masing-masing kerana takut kehilangan pangkat dan kerja masing-masing.

7.5.1.4 Melibatkan diri dalam kes rasuah jika mendatangkan keuntungan kepada diri sendiri

Skala	Bilangan Responden
1	57
2	8
3	6
4	5
5	14

Jadual 7.5.1.4 menunjukkan pandangan responden terhadap tindakan serta penyelesaian yang akan dilakukan oleh masyarakat sekiranya terdapat isu rasuah di tempat kerja atau sekeliling dengan melibatkan diri dalam kes rasuah jika mendatangkan keuntungan kepada diri sendiri.



Carta pai 7.5.1.4 menunjukkan pandangan responden terhadap tindakan serta penyelesaian yang akan dilakukan oleh masyarakat sekiranya terdapat isu rasuah di tempat kerja atau sekeliling dengan melibatkan diri dalam kes rasuah jika mendatangkan keuntungan kepada diri sendiri

Berdasarkan Jadual 7.5.1.4 dan Carta Pai 7.5.1.4 di atas, majoriti responden iaitu seramai 57 orang (63%) sangat tidak setuju manakala 14 orang (16%) sangat setuju bahawa tindakan yang sewajarnya dilakukan adalah melibatkan diri dalam kes rasuah jika mendatangkan keuntungan kepada diri sendiri manakala 6 orang responden (7%) bersifat neutral terhadap tindakan ini. Berdasarkan keputusan responden, majoriti besar responden sedar akan kegiatan jenayah ini tidak wajar dilaksanakan manakala masih terdapat segelintir yang tidak mendapat pendedahan terhadap tindakan mereka yang tanpa sedar merupakan kegiatan jenayah. Menurut Dr Mallow, individu yang ingin cepat kaya dan bersikap tamak akan bertindak untuk mengambil jalan mudah seperti menerima suapan kerana kehilangan sifat integriti, amanah dan kawalan terhadap diri sendiri (Dr Mallow, 2014). Golongan seperti inilah yang akan menyebabkan kegiatan rasuah semakin berleluasa dan tidak dapat ditangani oleh pihak berkuasa. Kesannya, mutu perkhidmatan negara akan merosot akibat berlakunya kepincangan dalam struktur organisasi sesuatu syarikat atau sektor.

7.5.2 Etika yang penting untuk diamalkan oleh masyarakat dalam membendung isu rasuah.


Mengikut skala:

- 1- Sangat tidak setuju
- 2- Tidak setuju
- 3- Neutral
- 4- Setuju
- 5- Sangat setuju

7.5.2.1 Integriti

Skala	Bilangan Responden
1	0
2	0
3	6
4	15
5	69

Jadual 7.5.2.1 menunjukkan pandangan responden terhadap etika yang penting untuk diamalkan oleh masyarakat dalam membendung isu rasuah iaitu integriti.




Carta pai 7.5.2.1 menunjukkan pandangan responden terhadap etika yang penting untuk diamalkan oleh masyarakat dalam membendung isu rasuah iaitu integriti.

Berdasarkan Jadual 7.5.2.1 dan Carta Pai 7.5.2.1 di atas, majoriti responden iaitu seramai 69 orang (77%) sangat setuju manakala 15 orang (17%) setuju bahawa integriti merupakan etika yang perlu diamalkan untuk membendung isu rasuah manakala 6 orang responden (6%) bersifat neutral terhadap etika ini. Majoriti besar responden bersetuju kerana terdedah kepada kesedaran akan kepentingan integriti dalam melakukan sesuatu pekerjaan. Integriti ditakrifkan sebagai amalan bersikap jujur dan menunjukkan kepatuhan yang konsisten prinsip dan nilai moral serta etika yang kuat. Apabila seseorang individu itu mengamalkan sifat integriti ketika melakukan sesuatu pekerjaan, kegiatan rasuah dapat dibendung kerana individu ini akan bersifat amanah dan tidak sesekali akan cuba untuk melakukan khianat terhadap majikannya. Kesannya, kegiatan rasuah akan berkurang secara drastik jika setiap individu menerapkan sifat integriti dalam diri masing-masing.

7.5.2.2 Keadilan

Skala	Bilangan Responden
1	0
2	0
3	2
4	14
5	74

Jadual 7.5.2.2 menunjukkan pandangan responden terhadap etika yang penting untuk diamalkan oleh masyarakat dalam membendung isu rasuah iaitu keadilan.




Carta pai 7.5.2.2 menunjukkan pandangan responden terhadap etika yang penting untuk diamalkan oleh masyarakat dalam membendung isu rasuah iaitu keadilan.

Berdasarkan Jadual 7.5.2.2 dan Carta Pai 7.5.2.2 di atas, majoriti responden iaitu seramai 74 orang (82%) sangat setuju manakala 14 orang (16%) setuju bahawa keadilan merupakan etika yang perlu diamalkan untuk membendung isu rasuah manakala 2 orang responden (2%) bersifat neutral terhadap etika ini. Keadilan merupakan kunci kepada melumpuhkan kegiatan rasuah terutamanya pihak berkuasa. Terdapat banyak kes penguatkuasa sendiri dalam kalangan pegawai SPRM yang turut terlibat dalam kegiatan rasuah. Ini menyebabkan kes-kes rasuah boleh dilepaskan begitu sahaja dengan bantuan orang dalam. Oleh itu, pihak berkuasa perlulah bersikap adil dan tidak berat sebelah semasa melakukan siasatan ataupun penangkapan individu yang didakwa melakukan kegiatan rasuah terutamanya ahli politik dan individu yang terkenal. Kesannya, kes-kes rasuah dapat diadilkan dan dihakimi dengan betul tanpa sebarang penyelewengan terhadap kes-kes tersebut.

7.5.2.3 Bertanggungjawab

Skala	Bilangan Responden
1	0
2	0
3	1
4	11
5	78

Jadual 7.5.2.3 menunjukkan pandangan responden terhadap etika yang penting untuk diamalkan oleh masyarakat dalam membendung isu rasuah iaitu bertanggungjawab.




Carta pai 7.5.2.3 menunjukkan pandangan responden terhadap etika yang penting untuk diamalkan oleh masyarakat dalam membendung isu rasuah iaitu bertanggungjawab.

Berdasarkan Jadual 7.5.2.3 dan Carta Pai 7.5.2.3 di atas, majoriti responden iaitu seramai 78 orang (87%) sangat setuju manakala 11 orang (12%) setuju bahawa bertanggungjawab merupakan etika yang perlu diamalkan untuk membendung isu rasuah manakala 1 orang responden (1%) bersifat neutral terhadap etika ini. Etika ini merupakan etika yang penting dalam usaha membanteras kegiatan rasuah di negara ini. Hal ini demikian kerana jika seseorang individu itu bertanggungjawab, dia tidak akan mengambil atau memberi rasuah atas dasar amanah terhadap kerja yang dilakukannya. Sebagai contoh, apabila seseorang yang bertanggungjawab itu dihulurkan wang untuk melakukan khianat terhadap syarikatnya, dia tidak akan menerima tawaran tersebut dan bertegas bahawa dia akan setia dengan syarikatnya dan tidak akan melakukan khianat kerana berpegang amanah yang dipikulnya. Justeru, etika bertanggungjawab perlu dipupuk dalam kalangan pekerja dan majikan untuk mewujudkan situasi kerja yang telus dan bebas rasuah.

7.5.2.4 Keberanian

Skala	Bilangan Responden
1	0
2	0
3	2
4	16
5	72

Jadual 7.5.2.4 menunjukkan pandangan responden terhadap etika yang penting untuk diamalkan oleh masyarakat dalam membendung isu rasuah iaitu keberanian.



Carta pai 7.5.2.4 menunjukkan pandangan responden terhadap etika yang penting untuk diamalkan oleh masyarakat dalam membendung isu rasuah iaitu keberanian.

Berdasarkan Jadual 7.5.2.4 dan Carta Pai 7.5.2.4 di atas, majoriti responden iaitu seramai 72 orang (80%) sangat setuju manakala 16 orang (18%) setuju bahawa keberanian merupakan etika yang perlu diamalkan untuk membendung isu rasuah manakala 2 orang responden (2%) bersifat neutral terhadap etika ini. berdasarkan respon yang diberikan oleh responden, sebahagian besar berpendapat bahawa keberanian merupakan asas etika yang diperlukan untuk membanteras kegiatan rasuah. Hal ini demikian kerana, keberanian yang tinggi diperlukan untuk melaporkan kegiatan yang tidak bermoral ini serta untuk menolak pelawaan terutamanya pelawaan daripada pihak atasan. Sebagai contoh, apabila seseorang itu mengetahui bahawa terdapat penyelewengan dan rasuah berlaku di dalam syarikat tempat dia bekerja, dia perlu melaporkan kepada pihak berkuasa. Namun. Jika tiada keberanian untuk melaporkan kegiatan tersebut, perkara ini akan terus berlaku dan tidak dapat dibanteras oleh pihak berkuasa. Selain itu, keberanian juga diperlukan untuk menegur rakan sekerja ataupun majikan yang menerima atau memberi rasuah supaya berhenti melakukan jenayah tersebut. Tanpa keberanian, seseorang individu itu hanya akan sekadar memekakkan telinga dan membutakan mata melihat kegiatan yang terangnya merupakan satu jenayah yang berat.

7.5.3 Pendapat masyarakat mengenai tindakan wajar yang perlu dilakukan oleh pihak berkuasa bagi mengatasi isu rasuah.


Mengikut skala:

- 1- Sangat tidak setuju
- 2- Tidak setuju
- 3- Neutral
- 4- Setuju
- 5- Sangat setuju

7.5.3.1 Menguatkuasakan undang-undang

Skala	Bilangan Responden
1	0
2	0
3	1
4	10
5	79

Jadual 7.5.3.1 menunjukkan pandangan responden terhadap tindakan yang dilakukan pihak berkuasa untuk mengatasi isu rasuah dengan menguatkuasakan undang-undang.



Carta pai 7.5.3.1 menunjukkan pandangan responden terhadap responden terhadap tindakan yang dilakukan pihak berkuasa untuk mengatasi isu rasuah dengan menguatkuasakan undang-undang.

Berdasarkan Jadual 7.5.3.1 dan Carta Pai 7.5.3.1 di atas, majoriti responden iaitu seramai 79 orang (88%) sangat setuju manakala 10 orang (11%) setuju bahawa tindakan yang wajar dilakukan pihak berkuasa adalah menguatkuasakan undang-undang manakala 1 orang responden (1%) bersifat neutral terhadap tindakan ini. Tindakan ini mendapat undian majoriti kerana kerajaan atau pihak berkuasa mempunyai kuasa yang diperlukan untuk menjalankan siasatan, melakukan penangkapan dan menghakimi seseorang yang terlibat dengan gejala rasuah. Sebagai contoh, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Azam Baki telah berkata, sebanyak 2,526 maklumat berkaitan salah-laku rasuah penjawat awam telah diterima SPRM yang telah mewujudkan pembukaan 480 kertas siasatan, 463 tangkapan serta 145 pertuduhan berdasarkan berdasarkan statistik siasatan yang dikeluarkan Bahagian Pengurusan Rekod dan Maklumat SPRM sepanjang tahun 2019 (Bernama, 2019). Ini menunjukkan keberkesanan pencegahan aktiviti rasuah dengan menguatkuasakan undang-undang apabila banyak kes dapat diuruskan berdasarkan undang-undang yang telah ditetapkan. Selain itu, pihak kerajaan perlu memperketatkan undang-undang dan meninggikan hukuman ke atas pesalah rasuah sebagai satu inisiatif untuk menakutkan orang ramai supaya tidak terlibat dengan kegiatan rasuah. Justeru, pihak kerajaan perlulah meningkatkan mutu perkhidmatan mereka dan memperkasakan undang-undang untuk mencegah penularan kegiatan ini.

7.5.3.2 mendidik warganegara tentang ilmu etika sejak kecil

Skala	Bilangan Responden
1	0
2	1
3	1
4	26
5	62

Jadual 7.5.3.2 menunjukkan pandangan responden terhadap tindakan yang dilakukan pihak berkuasa untuk mengatasi isu rasuah dengan mendidik warganegara tentang ilmu etika sejak kecil




Carta pai 7.5.3.2 menunjukkan pandangan responden terhadap responden terhadap tindakan yang dilakukan pihak berkuasa untuk mengatasi isu rasuah dengan mendidik warganegara tentang ilmu etika sejak kecil.

Berdasarkan Jadual 7.5.3.2 dan Carta Pai 7.5.3.2 di atas, majoriti responden iaitu seramai 62 orang (69%) sangat setuju manakala 26 orang (29%) setuju bahawa tindakan yang wajar dilakukan pihak berkuasa adalah dengan mendidik warganegara tentang ilmu etika sejak kecil manakala 1 orang responden (1%) bersifat neutral terhadap tindakan ini. Sinonim dengan peribahasa melayu biarlah melentur buluh dari rebungunya, penerapan etika sejak kecil semestinya merupakan satu cara terbaik untuk mencegah rasuah kerana seseorang individu itu lebih mudah dibentuk sewaktu kecil. Menurut Dr Mallow, contoh pendedahan awal mengenai etika dan gejala rasuah ini boleh diterapkan dalam sukatan pelajaran di sekolah seperti mata pelajaran Sivik dan Kewarganegaraan, Pendidikan Islam dan Moral dan subjek yang berkaitan (Dr Mallow, 2014). Ini merupakan satu tindakan yang bijak kerana murid-murid mudah untuk menerima ilmu yang disampaikan di sekolah berbanding sekadar menegur secara lisan sahaja. Di samping itu, pihak kerajaan juga perlu bekerjasama dengan ibu bapa dalam usaha mencorak generasi akan datang menjadi generasi yang beretika dan berpengetahuan tinggi. Justeru, wajarlah tindakan kerajaan untuk mendidik warganegara akan kepentingan etika sewaktu kecil lagi.

7.5.3.3 Meningkatkan kesedaran masyarakat melalui kempen

Skala	Bilangan Responden
1	0
2	0
3	6
4	27
5	57

Jadual 7.5.3.3 menunjukkan pandangan responden terhadap tindakan yang dilakukan pihak berkuasa untuk mengatasi isu rasuah dengan meningkatkan kesedaran masyarakat melalui kempen.




Carta pai 7.5.3.3 menunjukkan pandangan responden terhadap tindakan yang dilakukan pihak berkuasa untuk mengatasi isu rasuah dengan meningkatkan kesedaran masyarakat melalui kempen.

Berdasarkan Jadual 7.5.3.3 dan Carta Pai 7.5.3.3 di atas, majoriti responden iaitu seramai 57 orang (63%) sangat setuju manakala 27 orang (30%) setuju bahawa tindakan yang wajar dilakukan pihak berkuasa perlu meningkatkan kesedaran masyarakat melalui kempen manakala 6 orang responden (7%) bersifat neutral dengan pandangan ini. Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Dzulkifli Ahmad telah melancarkan Kempen berslogan ‘Anda Hulur, Kami Lapor’ yang merupakan penjenamaan semula kepada kempen ‘Perangi Pemberi Rasuah’ yang telah dilancarkan pada tahun 2010 (SPRM, 2020). Kempen ini merupakan suatu inisiatif kerajaan untuk memberi kesedaran kepada orang ramai khususnya penjawat awam akan bahaya kegiatan rasuah untuk membasmi kegiatan rasuah dalam perkhidmatan awam. Pihak kerajaan boleh melaksanakan kempen di lokasi-lokasi tumpuan umum seperti pusat membeli-belah agar lebih mencapai sasaran dan lebih ramai orang akan terdedah akan kepentingan membasmi kegiatan rasuah di negara ini. Selain itu, pihak kerajaan juga boleh mewajibkan institusi mengadakan pameran dan program kesedaran akan bahayanya rasuah di institusi pengajian masing-masing untuk meluaskan lagi sasaran pihak kerajaan dalam usaha memberi kesedaran kepada rakyat akan bahaya rasuah.

7.5.3.4 Mengurangkan karenah birokrasi

Skala	Bilangan Responden
1	0
2	1
3	6
4	25
5	57

Jadual 7.5.3.4 menunjukkan pandangan responden terhadap tindakan yang dilakukan oleh pihak berkuasa untuk mengatasi isu rasuah dengan mengurangkan karenah birokrasi.



Carta pai 7.5.3.4 menunjukkan pandangan responden terhadap responden terhadap tindakan yang dilakukan pihak berkuasa untuk mengatasi isu rasuah dengan mengurangkan karenah birokrasi.

Berdasarkan Jadual 7.5.3.4 dan Carta Pai 7.5.3.4 di atas, majoriti responden iaitu seramai 58 orang (64%) sangat setuju manakala 25 orang (28%) setuju bahawa pengurangan karenah birokrasi merupakan tindakan yang wajar dilakukan manakala 6 orang responden (7%) bersifat neutral terhadap tindakan ini. Pihak kerajaan sewajarnya mengurangkan karenah birokrasi kerana sesuatu projek yang memerlukan pelbagai prosedur dan mengambil masa yang lama akan cenderung berlaku penyelewengan dan rasuah kerana individu yang tidak bertanggungjawab akan cuba mempercepatkan kelulusan dengan memberi suapan kepada orang dalam. Menurut Tan Sri Ramon Navaratnam, amalan rasuah boleh dikekang secara drastik jika karenah birokrasi dikurangkan, termasuk yang melibatkan kelulusan pelbagai projek (Awani, 2018). Ini merupakan bukti bahawa karenah birokrasi mewujudkan satu lohong untuk membenarkan kewujudan amalan memberi dan menerima rasuah semata-mata untuk mendapatkan projek yang diinginkan. Justeru, pihak kerajaan sewajarnya mengurangkan karenah birokrasi dan tidak mengambil masa yang terlalu lama untuk meluluskan sesuatu projek agar tidak berlaku kes rasuah dalam kalangan masyarakat.

8.0 KESIMPULAN

Kesimpulannya, isu rasuah bukan sahaja memberi impak yang buruk dalam bidang politik dan sosial sahaja, tetapi juga menjejaskan pembangunan ekonomi negara di dunia ini termasuklah negara Malaysia. Hal ini demikian kerana kebanyakan isu rasuah melibatkan penyelewengan kuasa untuk mendapat keuntungan dengan mengabaikan kepentingan pihak lain.

Situasi ini menjadi cabaran kepada negara terutamanya semasa musim pandemik Covid-19 yang banyak menjejaskan pembangunan ekonomi negara. Kewujudan pihak yang melibatkan diri dalam isu rasuah semasa pandemik ini telah menyebabkan keadaan ekonomi negara merosot. Keadaan ini mendorong pertambahan golongan miskin dan peningkatan masalah sosial.

Walaupun kebanyakan masyarakat mengetahui rasuah merupakan sikap yang tidak sepatutnya diamalkan tetapi terdapat juga pihak yang tidak sedar dan kurang ilmu pengetahuan tentang apakah tindakan yang dimaksudkan oleh rasuah dan mempunyai tanggapan yang salah tentang rasuah sehinggalah melibatkan diri dalam perkara yang tidak betul.

Maka, isu rasuah hanya akan diselesaikan apabila semua pihak dapat bekerjasama antara satu sama lain. Masyarakat sepatutnya memberi kerjasama kepada kerajaan untuk bersama-sama mengatasi isu rasuah dan tidak mengabaikan tanggungjawab masing-masing demi pembangunan ekonomi negara dan juga meningkatkan taraf hidup masyarakat di sesebuah negara.

9.0 RUJUKAN

Abdullah, N. R. W. (2010). *Public Sector Reform in Malaysia: Addressing the Inequalities?*

Awani (2018). Kurangkan karenah birokrasi mampu bendung rasuah – Ramon. Retrieved from:
<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kurangkan-karenah-birokrasi-mampu-bendung-rasuah-ramon-193931>

Azizah.S, Ibrahim.H.A, Saidah.K, Hajah.A.T, Salmah.J, Hairani.M.K, Rodziah.B.A (2005).
Kamus Dewan Edisi Keempat. Retrieved from:
<http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=ahlinya&d=175768&>

Benson, Michael L. 1985. “Denying the Guilty Mind: Accounting for Involvement in a White-Collar Crime.” *Criminology* 23:4, 583–607.

Bernama (2019). 63.3 peratus kes rasuah melibatkan sektor awam: SPRM. *SinarHarian*. Retrieved from : <https://www.sinarharian.com.my/article/55991/BERITA/Nasional/633-peratus-kes-rasuah-libatkan-sektor-awam-SPRM>

Cressey, Donald. 1953. *Other People’s Money*. New York, NY: The Free Press.

Dr. Mallow (2014). Mendidik benci rasuah bermula dari sekolah. *BH Online*. Retrieved from: <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2014/10/14060/mendidik-benci-rasuah-bermula-dari-sekolah>

Gross S (2001) On Integrity, Psychodynamic Counselling. May 2001, 7 (2), p207, 10p.

Gunu.U, Ajoke.F (2013). Corruption and Economic Development: Evidence from Nigeria. University of Ilorin, Ilorin, Nigeria. Retrieved from: http://arabianjbmr.com/pdfs/KD_VOL_3_2/4.pdf

Harian, S., & Harian, K. U. S. (2019). Persidangan Penterjemahan Antarabangsa 20 Ogos 2019.

Kanyakumari.D (2017). Pegawai Kerajaan Lapor Rasuah Diberi Ganjaran Sepadan Wang Sogokan – SPRM. *MStar*. Retrieved from: <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2017/01/19/pegawai-kerajaan-insentif-rasuah>

Keith, Gonzalo.F. (2008). Financial liberalisation, bureaucratic corruption and economic development, Development Research Working Paper Series, No. 06/2008, Institute for Advanced Development Studies (INESAD), La Paz. Retrieved from <http://hdl.handle.net/10419/45675>

Mahathir Mohamed (1998) Petikan ucapan semasa melancarkan Gerakan Pemantapan.

Mahatir.T (2020). Besarnya kesan buruk rasuah kepada negara. *Malaysia Dateline*. Retrieved from: <https://malaysiadateline.com/besarnya-kesan-buruk-rasuah-kepada-negara/>

Mustafar.A (2015). Retrieved from: <https://www.sprm.gov.my/>

Niloy.B, Emranul.H, Keith.B., (2010),"Endogenous corruption in economic development", *Journal of Economic Studies*, Vol. 37. Retrieved from: <http://dx.doi.org/10.1108/01443581011012234>

SPRM (2020). Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia. Retrieved from: <https://www.sprm.gov.my/index.php/hubungi-kami/sprm-negeri/196-info-rasuah/689-kerugian-akibat-rasuah?templateStyle=22>

Syakiran.A.I, Zawawi.A.B (2004). Melantik Wanita Sebagai Hakim di Mahkamah Syariah: Kajian di Negeri Kedah. Dlm. Ahmad Sunawari Long, Jaffary Awang & Kamarudin Salleh (Pnyt.). *Islam: Past, Present and Future*, hlm. 492. Jabatan Hal Ehwal Khas Kementerian Penerangan Malaysia, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Syed.H (2009). Idea Syed Hussein jalan penyelesaian cegah rasuah. Retrieved from: <https://www.malaysiakini.com/news/109914>

Wei. (2013). Corruption in Economic Development: Beneficial Grease, Minor Annoyance, or Major Obstacle? Harvard University and National Bureau of Economic Research. Retrieved from: <http://citeseerx.ist.psu.edu/viewdoc/download?doi=10.1.1.194.3782&rep=rep1&type=pdf>

Widang I, Fridlund B (2003) Self-respect, Dignity and Confidence: Conceptions of Integrity Among Male Patients. Journal of Advanced Nursing 42 (1), p47p.

Zanariah.A.B (2018). Rasuah RM4,000: Kakitangan Jabatan Perikanan Perlis direman. Retrieved from: <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2018/07/454683/rasuah-rm4000-kakitangan-jabatan-perikanan-perlis-direman>

LAMPIRAN

Berikut ialah contoh borang soal selidik yang ditulis dalam bentuk 'Google Form'

Link untuk 'Google Form':

https://docs.google.com/forms/d/1jrlldFt-G2v_4U6TFGakKQFz9HnXqoE6HpD9Fjf7nRro/edit

Jantina *

☐ Lelaki

☐ Perempuan

Umur *

☐ Bawah 21 tahun

☐ 21-30 tahun

☐ 31-40 tahun

☐ 41-50 tahun

☐ 51-60 tahun

Pekerjaan *

☐ Kakitangan kerajaan

☐ Pekerja swasta

☐ Pelajar

☐ Other: _____

Kaum *

☐ Melayu

☐ Cina

☐ India

☐ Other: _____

Borang Soal Tentang Rasuah dan Pembangunan Ekonomi Negara

Bahagian B: Punca Rasuah

Sangat setuju-5

Setuju-4

Neutral-3

Tidak setuju-2

Sangat tidak setuju-1

Pada pendapat anda, adakah etika masyarakat penting dalam membendung isu rasuah? *

12345

☐☐☐☐☐

Pada pendapat anda, mengapakah masih terdapat masyarakat yang kurang kesedaran terhadap isu rasuah? *

5432

Kurang ilmu pengetahuan tentang isu rasuah

☐☐☐☐

Menganggap sebagai perkara biasa

☐☐☐☐

Tidak mementingkan isu sekeliling

☐☐☐☐

Kurang inisiatif daripada pihak kerajaan

☐☐☐☐

! This question requires one response per row

Mengapakah masih terdapat golongan masyarakat yang melibatkan diri dalam isu rasuah? *

5432

☐☐☐☐

Borang Soal Tentang Rasuah dan Pembangunan Ekonomi Negara

Bahagian C: Kesan mengamalkan rasuah terhadap pembangunan ekonomi negara

Sangat setuju-5

Setuju-4

Neutral-3

Tidak setuju-2

Sangat tidak setuju-1

Pada pendapat anda, adakah isu rasuah mempunyai impak yang besar terhadap pembangunan ekonomi negara? *

12345

☐☐☐☐☐

Pada pendapat anda, apakah bidang ekonomi yang mempunyai risiko yang tinggi terdedah kepada isu rasuah? *

5432

Bidang perkhidmatan

☐☐☐☐

Bidang pelancongan

☐☐☐☐

Bidang pembinaan

☐☐☐☐

Bidang

☐☐☐☐

Next

Never submit passwords through Google Forms.

This content is neither created nor endorsed by Google. [Report Abuse](#) - [Terms of Service](#) - [Privacy Policy](#)

Google Forms

Jika sesebuah negara mempunyai kadar rasuah yang tinggi, apakah perkara yang akan berlaku terhadap pembangunan ekonomi negara? *

	5	4	3	2
Penurunan mata wang negara	☐	☐	☐	☐
Kehilangan keyakinan pelabur asing	☐	☐	☐	☐
Peningkatan kadar kemiskinan	☐	☐	☐	☐
Penurunan daya saing negara	☐	☐	☐	☐

Bahagian C: Langkah menangani rasuah untuk membangunkan ekonomi negara
Sangat setuju-5
Setuju-4
Neutral-3
Tidak setuju-2
Sangat tidak setuju-1

Jika terdapat kes rasuah di tempat kerja atau rumah anda, apakah penyelesaian anda? *

	5	4	3	2
Menegur pihak tersebut	☐	☐	☐	☐
Melapor kepada orang yang bertanggungjawab	☐	☐	☐	☐
Mengamalkan sikap tidak ambil peduli	☐	☐	☐	☐
Melibatkan diri dalam kes rasuah jika mendatangkan keuntungan kepada diri sendiri	☐	☐	☐	☐

Apakah etika yang anda rasa penting diamalkan oleh masyarakat untuk membendung isu rasuah? *

	5	4	3	2
Integriti	☐	☐	☐	☐
Keadilan	☐	☐	☐	☐
Bertanggungjawab	☐	☐	☐	☐
Keberanian	☐	☐	☐	☐

 This question requires one response per row

Pada pendapat anda, apakah tindakan yang boleh dilakukan oleh pihak berkuasa untuk mengatasi isu rasuah? *

	5	4	3	2
Menguatkuasakan undang-undang	☐	☐	☐	☐
Mendidik warganegara tentang ilmu etika sejak kecil	☐	☐	☐	☐
Meningkatkan kesedaran masyarakat	☐	☐	☐	☐

Mengurangkan melalui kempen	☐	☐	☐	☐
Mengurangkan kerana birokrasi	☐	☐	☐	☐

Back

Submit

Never submit passwords through Google Forms.

This content is neither created nor endorsed by Google. [Report Abuse](#) - [Terms of Service](#) - [Privacy Policy](#)

Google Forms